

30/10/2002

Parti Cina kemuka syor baru

Jami'ah Shukri

PETALING JAYA, Selasa - Parti Cina dalam Barisan Nasional (BN) mahu enam waktu khas diperuntukkan bagi subjek baru iaitu bahasa Inggeris, Matematik dan Sains, dalam jadual waktu pembelajaran bagi meningkatkan prestasi dan penguasaan bahasa Inggeris murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Menerusi cadangan itu, yang akan dikemukakan kepada mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) Khamis ini, dua waktu diperuntukkan bagi bahasa Inggeris, dua waktu untuk metodologi Matematik dalam bahasa Inggeris dan dua waktu lagi metodologi Sains dalam bahasa Inggeris.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata sebagai permulaan, pembelajaran bagi tiga subjek baru itu akan diadakan seminggu sekali dengan mengambil masa satu jam setiap waktu.

Katanya, penyediaan enam waktu khas itu tidak akan menjejaskan mana-mana subjek lain dalam kurikulum pengajaran di SJKC sedia ada, sebaliknya dianggap sebagai alternatif untuk meningkatkan prestasi penguasaan bahasa itu di kalangan murid.

"Mulai tahun depan, kami berharap penyediaan enam waktu khas itu juga dapat meningkatkan pembelajaran bahasa Inggeris di SJKC daripada sifar peratus sekarang kepada 600 peratus.

"Sebelum ini, bahasa Inggeris tidak diajar langsung kepada murid SJKC di Tahun Satu. Apa yang kita buat ini adalah bertujuan murni demi kebaikan negara dan murid," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) di antara Koperasi Jaya Diri Malaysia Berhad (Kojadi) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar), di sini hari ini.

Mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Selasa lalu, sepakat untuk melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di semua sekolah rendah dan menengah mulai tahun depan, tetapi memberi tempoh seminggu kepada parti Cina merumuskan kaedah tersendiri bagi SJKC.

Berikutan itu, MCA, Gerakan, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan Parti Maju Sabah diminta berbincang bagi mendapatkan pendekatan terbaik melaksanakan dasar itu di SJKC.

Dr Ling berkata, beliau yang berpendidikan aliran Inggeris sepenuhnya sedih kerana selama ini pengajaran bahasa Inggeris tidak dilaksanakan dalam kurikulum di SJKC.

"Oleh itu, saya mahu pembelajaran dan pengajaran bahasa Inggeris diberi keutamaan kepada murid SJKC demi kebaikan mereka pada masa depan. Jika keadaan memerlukan, kita patut menyusun semula beberapa perkara berkaitan pembelajaran bahasa Inggeris bagi memantapkan penguasaan itu pada semua peringkat termasuk menyediakan guru terlatih," katanya.

Dr Ling berkata, pihaknya tidak mahu pelbagai pihak membuat sebarang spekulasi mengenai isu itu, sebaliknya perlu menunggu keputusan dibuat, pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN, Khamis ini.